

**BAB 11****TANGGUNGJAWAB INSTITUSI PERNIAGAAN  
PELANCONGAN TERHADAP ALAM SEKITAR**

*Azilah Kasim*

**PENGENALAN**

Pengurusan perniagaan kontemporari kini sering dikaitkan dengan tanggungjawab terhadap isu-isu yang tidak mempunyai kaitan secara terus dengan perniagaan. Isu-isu yang dimaksudkan ialah isu tanggungjawab institusi perniagaan terhadap alam sekitar dan masyarakat. Tanggungjawab tambahan ini biasanya dibahaskan melalui konsep tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*). Konsep ini juga mempunyai banyak istilah lain seperti *business social responsibility (BSR)*, *corporate environmentalism* dan *business environmental and social responsibility (BESR)*. Biar apa pun label yang diberikan, konsep ini pada asasnya merujuk kepada tanggungjawab dan peranan badan perniagaan terhadap alam sekitar dan manusia sejagat.

**SEJARAH REAKSI INSTITUSI PERNIAGAAN TERHADAP ISU-ISU  
PENGURUSAN ALAM SEKITAR**

Menurut sejarahnya, perkaitan antara institusi perniagaan dan isu-isu tanggungjawab alam sekitar telah bermula apabila beberapa perubahan dan peristiwa berlaku di negara barat. Ianya bermula dengan perhatian masyarakat terhadap keruntuhan kualiti alam sekitar yang bermula pada tahun 1960-an di Amerika Utara dan Eropah Barat hasil daripada aktiviti-aktiviti industri. Di London, kejadian pencemaran udara yang keterlaluan akibat aktiviti industri telah melahirkan Akta Udara Bersih pada tahun 1970-an. Walau bagaimanapun, perhatian masyarakat dan institusi sivil pada masa itu lebih menjurus kepada isu-isu am seperti pemuliharaan dan tidak kepada aktiviti-aktiviti institusi perniagaan dan industri. Ini

menyebabkan aktiviti-aktiviti ini berterusan tanpa sebarang langkah untuk mengurangkan pencemaran dan kerosakan alam sekitar yang berlaku. Institusi perniagaan pada masa ini tidak peka terhadap tanggungjawab mereka serta kerap mengambil mudah kos-kos operasi mereka terhadap alam sekitar (Utting, 2000). Bahkan institusi perniagaan di Barat pada masa ini sering membantah sebarang usaha untuk mengekang operasi mereka atas nama penjagaan alam sekitar (Tilley, 1999). Oleh itu, institusi perniagaan terus-menerus menafikan peranan mereka terhadap alam sekitar walaupun telah wujud banyak undang-undang untuk mengawal pencemaran di Eropah Barat, Amerika Utara dan Jepun.

Di negara-negara membangun, situasinya lebih teruk. Tiadanya kesedaran dan tindakan institusi sivil serta kurangnya minat, sumber dan pengalaman pihak kerajaan untuk menangani impak aktiviti badan perniagaan dan industri terhadap alam sekitar, membuatkan institusi perniagaan dan industri membuat sesuka hati tanpa sebarang rasa tanggungjawab. Jika ada undang-undang alam sekitar, ia biasanya kompleks dan saling bercanggah atau kurang jelas (Perry & Singh, 2002; *Global Environmental Forum*, 2000). Ini ditambah pula dengan aspirasi negara-negara membangun untuk menjadi dengan lebih maju dan pesat. Hasilnya pembangunan sering diutamakan tanpa mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar. Inilah yang telah berlaku di negara kita sekitar tahun 70-an.

Pada tahun 1980-an, beberapa malapetaka alam sekitar seperti pencemaran kimia di Bhopal dan tumpahan minyak di Exxon Valdez berlaku. Insiden-insiden ini menyebabkan dunia semakin sedar tentang kepentingan alam sekitar. Tekanan oleh institusi sivil dan permintaan pengguna terhadap barangan yang mesra-alam di negara barat juga turut menyumbang kepada perkembangan ini. Pada dekad ini juga mekanisme untuk mengawal kesan terhadap alam sekitar seperti Laporan Penilaian Alam Sekitar -*Environmental Impact Assessment* (EIA) turut mempengaruhi. Pada akhir 1980-an satu laporan oleh *World Commission on Environment and Developments* (WCED) yang bertajuk *Our Common Future* telah menekankan kepentingan konsep pembangunan mapan (Brundtland, 1987).

Di Barat, perubahan peranan dan penglibatan badan perniagaan dan industri bermula dengan konsep *eco-efficiency* yang menurut DeSimone dan Popoff (1997), menekankan empat aspek:

- 1) Kaitan antara pembentukan nilai dengan alam sekitar. Ini menekankan produktiviti sumber dalam proses penghasilan nilai untuk pengguna, masyarakat dan badan perniagaan itu sendiri;
- 2) Promosi pengurangan *externalities* seperti sisa buangan, pencemaran dan penggunaan sumber yang keterlaluan. Konsep kecacatan sifar telah diisytiharkan sebagai alat untuk meningkatkan komitmen badan perniagaan dan industri;
- 3) Kaitan antara kecemerlangan alam sekitar dengan kecemerlangan perniagaan. Di sini *eco-efficiency* berfungsi sebagai falsafah pengurusan yang digunakan untuk mengenal pasti keperluan semua yang berkepentingan dalam perniagaan itu;
- 4) Pengenalpastian bahawa kawalan pencemaran perlu meliputi kesemua rangkaian perniagaan yang menguruskan produk yang terhasil (pembekal, orang tengah dan sebagainya)

Konsep *eco-efficiency* dianggap sesuai dengan institusi perniagaan dan industri kerana ia mempunyai beberapa kelebihan. Seperti yang dirumuskan oleh Medina (2002), ini termasuk:

- (i) Pengurangan kos dan tanggungjawab undang-undang terhadap sisa buangan, pencemaran dan penggunaan sumber;
- (ii) Peningkatan kualiti produk dan servis yang memenuhi aspirasi pengguna dan meningkatkan mutu alam sekitar;
- (iii) Peningkatan syer pasaran dan peluang perniagaan; dan
- (iv) Peningkatan imej melalui peningkatan keyakinan pengguna terhadap produk dan peningkatan moral pekerja yang seterusnya mengurangkan kadar berhenti kerja dan membantu proses perekrutan.

Oleh itu, di negara barat banyak institusi perniagaan dan industri mengguna pakai pengurusan yang mementingkan *eco-efficiency*

terutama badan-badan korporat multinasional yang menganggap bentuk pengurusan ini sebagai strategi. Ini mendorong kepada penubuhan *Business Council for Sustainable Development* (BCSD) yang menekankan kepentingan melihat semula strategi korporat yang berkenaan dengan penggunaan dan pengurusan sumber semulajadi melalui konsep *eco-efficiency* (Schmidheiny, 1992). Lastituti ini ditubuhkan sebelum Sidang Puncak Rio pada tahun 1992.

Semenjak itu, banyak peristiwa yang menunjukkan peningkatan standard pengurusan alam sekitar oleh badan korporat berlaku. Antaranya ialah penubuhan kerjasama seperti *World Business Council for Sustainable Development* (gabungan antara BCSD dan *World Council for Sustainable Development*) pada tahun 1995 (Utting, 2000). Kerjasama ini bertujuan memperluas pemikiran *eco-efficiency* kepada perniagaan sedunia termasuklah negara membangun dengan cara mencari formula untuk standard pengurusan alam sekitar antarabangsa yang membolehkan badan perniagaan dan industri di seluruh dunia untuk mengguna pakai standard yang sama (Hortensius & Barthel, 1997).

Dalam tahun 1990-an, konsep *voluntary initiatives* atau inisiatif sukarela telah dihebahkan oleh persatuan-persatuan dan perniagaan persendirian untuk menggalakkan kawal selia aktiviti yang membolehkan badan perniagaan dan industri berunding dan membangunkan satu standard yang dipersetujui oleh semua ahli. Inisiatif ini wujud dalam bentuk *codes of conduct* atau garis panduan yang disediakan oleh badan-badan nasional mahupun antarabangsa. Laporan mengenai kegiatan berkaitan dengan alam sekitar seperti *Global Reporting Initiative* (GRI) anjuran *Coalition for Environmentally Responsible Economies* (CERES) juga semakin diterima pakai dalam dekad ini terutamanya oleh sebilangan kecil syarikat besar korporat (Starkey & Welford, 2001).

Walau bagaimanapun, semua peristiwa di atas hanya melibatkan industri pembuatan memandangkan impaknya yang jelas terhadap alam sekitar. Industri servis seperti perbankan dan pelancongan biasanya tidak dikaitkan dengan tanggungjawab alam sekitar, walaupun industri ini merupakan industri terbesar sesebuah negara

itu. Pelancongan umpamanya, telah menjadi satu industri penting dari segi Keluaran Negara Kasar (KNK), sumber pekerjaan dan resit eksport terutamanya di negara-negara membangun sehinggakan industri tradisi seperti pertanian dan perlombongan disisihkan (*United Nations Economic and Social Council Report*, 1999). Namun, pelancongan biasanya dianggap satu pilihan ekonomi yang lebih mesra alam berbanding industri pembuatan.

Sebab perbezaan pandangan terhadap peranan industri servis dalam pemeliharaan alam sekitar ialah ciri-cirinya yang berbeza dengan ciri-ciri industri pembuatan serta kesannya terhadap alam sekitar. Industri pembuatan menggunakan sumber asli yang banyak untuk menghasilkan produk fizikal, mencetuskan impak alam sekitar yang ketara dari segi pencemaran udara atau sisa buangan yang boleh mendatangkan kesan negatif terhadap flora dan fauna mahupun manusia. Sebaliknya, institusi yang menawarkan perkhidmatan seperti hiburan, penjagaan kesihatan dan perbankan tidak mempunyai impak yang ketara terhadap alam sekitar. Menurut Shostack (1987), servis merupakan proses-proses sahaja. Oleh itu ianya tidak nyata, mudah luput, pelbagai dan digunakan terus pada masa pembelian. Keadaan ini menyebabkan servis tidak mempunyai impak yang besar terhadap alam sekitar.

Namun, jika diteliti boleh dilihat walaupun servis mempunyai ciri tidak nyata, banyak bentuk servis yang memerlukan penggunaan banyak produk fizikal untuk dilaksanakan. Umpamanya, sektor pengangkutan menggunakan bahan api yang boleh menghasilkan pencemaran udara. Begitu juga dengan operasi hotel yang memerlukan banyak sumber dan tenaga untuk menjalankan kegiatan harian. Hotel juga menggunakan banyak air dan tenaga elektrik untuk beroperasi. Oleh itu, sahlah bahawa industri servis juga tidak mesra alam seperti mana tanggapan ramai. Industri servis perlu ada satu standard alam sekitar yang lebih tinggi (Grove et al., 1996; Kirk, 1995, 1998; Cheney & Barnet, 2001).

Sidang Puncak Rio telah meningkatkan kesedaran dunia mengenai peranan industri servis terutamanya pelancongan dalam penjagaan alam sekitar melalui pembentukan satu kertas kerja

bertajuk *Agenda 21 for Travel and Tourism*. Setiausaha Utama di *United Nations Economic and Social Council Report* (1999: 11-12) mengatakan bahawa:

*Cabaran utama bagi industri pelancongan adalah untuk bertukar menjadi satu aktiviti mapan dengan cara membaharui falsafah korporat, praktis dan etika dengan tujuan mempromosikan pembangunan mapan melalui pengurusan dan praktis alam sekitar dan kerjasama rapat antara kerajaan dan badan sivil perniagaan pelancongan, sama ada besar mahupun kecil, mesti mengadunkan sistem dan prosedur pengurusan alam sekitar ke dalam semua aspek dan aktiviti korporat ke arah pembangunan mapan. Perubahan asas seperti ini memerlukan implementasi audit alam sekitar dan sosial, penghitungan jangka hayat dan latihan pekerja dalam prinsip-prinsip pengurusan pelancongan mapan.*

Setelah Rio, *World Tourism Organisation* (WTO), *World Travel and Tourism Council* (WTTC) dan *Earth Council* telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan satu program alam sekitar global untuk industri pelancongan. Di Amerika Utara, *Tourism* Kanada telah mencadangkan supaya semua sumber yang terlibat dalam pembangunan pelancongan diurus dengan cara yang boleh memenuhi keperluan ekonomi, sosial dan estetika di samping menjaga integriti budaya, proses ekologi, kepelbagaian biologi dan sistem penghidupan (dalam Murphy, 1994:279). Di Amerika Syarikat, organisasi seperti *Green Hotel Associations* telah ditubuhkan untuk menggalakkan amalan mesra alam di dalam bilik hotel seperti penggunaan tuala secara berulang (Kirk, 1995; Enz & Siguaw, 1999) manakala beberapa negara Kesatuan Eropah pula menjalankan EIA dalam projek pelancongan, memperkenalkan undang-undang alam sekitar dan kod etika bagi meningkatkan kesedaran terhadap kesan pelancongan terhadap alam sekitar (Dimitrios dan Ladkin, 1999; Cheney & Barnett, 2001).

Formulasi Agenda 21 untuk diaplikasikan dalam industri pelancongan telah menjadi rangka kerja utama dalam meningkatkan peranan institusi perniagaan dan industri dalam penjagaan alam sekitar. Sebanyak 12 panduan telah digariskan (Jadual 11.1) untuk membantu entiti awam dan persendirian mencapai pembangunan mapan.

### Jadual 11.1

#### Garis Panduan Agenda 21 untuk Industri Pelancongan

Item no.	Butiran
1	Membantu masyarakat menjalankan gaya hidup sihat dan produktif serta berharmoni dengan alam sekitar
2	Menyumbang ke arah pemuliharaan, perlindungan dan pemulihan ekosistem dunia
3	Mengasaskan aktiviti pelancongan kepada corak penggunaan dan pengeluaran yang mapan
4	Kerjasama antara negara dalam mempromosi sistem ekonomi terbuka yang membolehkan perniagaan pelancongan antarabangsa berjalan secara mapan
5	Menghentikan dasar lindungan perdagangan
6	Mengakui bahawa pelancongan, keamanan, pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar adalah saling berkait antara satu sama lain.
7	Penjagaan alam sekitar adalah tonggak proses pembangunan pelancongan dalam mencapai pembangunan mapan.
8	Isu pembangunan pelancongan mesti diurus dengan mengambil kira penglibatan orang awam manakala keputusan pula dibuat dengan mengambil kira keputusan masyarakat tempatan
9	Semua negara mesti memberi amaran antara satu sama lain mengenai sebarang malapetaka yang melibatkan sesuatu destinasi pelancongan
10	Oleh kerana penglibatan wanita penting dalam pelancongan mapan, pengambilan pekerja wanita mesti dipertingkatkan
11	Pembangunan pelancongan mesti mengambil kira dan menyokong identiti, budaya dan minat masyarakat asli dan tempatan
12	Undang-undang alam sekitar antarabangsa mesti dihormati oleh semua negara yang terlibat dalam pelancongan

Sumber: WTO/WTTC/EC, 1995; WTTC, 2002.

Dalam konteks negara membangun juga terdapat beberapa perkembangan yang serupa. Dalam industri pelancongan kepulauan Caribbean yang diterajui oleh Jamaica telah memberikan komitmen terhadap *Environmental Audits for Sustainable Pelancongan* (EAST) (Meade & Del Monaco, 1999). Di Asia Tenggara, kumpulan seperti *Third World Network* di Malaysia dan *Tourism Investigation and Monitoring Team* di Thailand pula telah menyarankan agar perhatian yang lebih serius diberikan terhadap isu-isu pembangunan mapan (Pleumarom, 2000b). Di Tanzania pula, *Conservation, Hotels, Domestic and Allied Workers Union* telah meminta agar para pekerja pelancongan diberikan gaji yang lebih lumayan beserta latihan. Semua ini menunjukkan bahawa industri pelancongan telah makin memandang serius perkara-perkara berkaitan alam sekitar dan sosial.

## REAKSI SEKTOR PERHOTELAN TERHADAP TANGGUNGJAWAB ALAM SEKITAR

Berikutan dengan perkembangan seperti yang diterangkan di atas, sektor perhotelan telah mengambil inisiatif awal dengan menubuhkan satu standard global untuk badan perniagaan yang dipanggil *Green Globe 21* (GG21) pada tahun 1994. Inisiatif ini adalah usaha sama antara WTO, WTTC dan *Earth Council* (EC) untuk membolehkan syarikat-syarikat pelancongan mendapatkan nasihat berkenaan isu-isu penjagaan alam sekitar daripada pakar yang memahami industri pelancongan (Forsyth, 1996).

Standard GG21 menangani isu-isu alam sekitar yang berkaitan dengan pelancongan melalui rundingan dengan mereka yang berkepentingan seperti pekerja, pelanggan, komunit dan pembekal. Ianya juga mengambil kira prosedur ISO dalam membantu pembangunan mapan industri pelancongan (*Green Globe 21 Asia Pacific*, 2000). Rangka kerja tindakan yang dicadangkan oleh GG21 untuk badan perniagaan adalah seperti dalam Jadual 11.2.



## Jadual 11.2

**Agenda 21 untuk Pelancongan: Sepuluh Tindakan Utama bagi Syarikat-Syarikat Pelancongan**

No.	Tindakan Utama
1	<i>Pengurangan bahan buangan, penggunaan semula dan kitar semula</i> — bagi menggunakan sumber dengan berhemah tanpa menjejaskan kualiti
2	<i>Penggunaan, pemuliharaan dan pengurusan tenaga berhemah</i> — bagi mengurangkan penggunaan tenaga
3	<i>Pengurusan sumber air bersih</i> — untuk memelihara kualiti air dan penggunaan berhemah
4	<i>Pengurusan air buangan</i> — untuk mengurangkan kuantiti air buangan dan mengurangkan keracunan air buangan
5	<i>Bahan-bahan berbahaya</i> — untuk menggunakan bahan-bahan mesra alam
6	<i>Pengangkutan</i> — untuk menggunakan kenderaan yang dijaga rapi serta tidak mengeluarkan asap berlebihan serta menggalakkan penggunaan pengangkutan awam
7	<i>Perancangan dan pengurusan kegunaan tanah</i> — untuk mengambil kira kepelbagaian kegunaan tanah dan berlaku adil dalam pembangunannya agar tidak menyekat keluar-masuk penduduk tempatan
8	<i>Penglibatan pekerja, pelanggan, dan komuniti dalam isu alam sekitar</i> — untuk mengambil kira dan melindungi hak komuniti dalam pembangunan, untuk memberi mereka pengetahuan
9	<i>Rekabentuk bertemakan kemapanan</i> — untuk membuat dan menggunakan produk baru yang kurang mencemarkan, efisien, berpadanan dengan budaya sosial tempatan dan mudah didapati oleh semua
10	<i>Kerjasama demi pembangunan mapan</i> — usahasama antara kerajaan dan badan sivil untuk membawa pembangunan mapan

Sumber: WTO/WTTC/EC, 1995.

Menurut Kementerian Pelancongan Malaysia, penggunaan standard GG21 di Malaysia juga telah bermula, dengan aplikasi standard GG21 di destinasi-destinasi tertentu seperti Pulau Langkawi. Menurut makluman dalam laman web GG21, prinsip-prinsip GG21 sesuai untuk semua bentuk sektor, saiz dan lokasi untuk mencapai penambahbaikan usaha pemuliharaan alam sekitar dari tahun ke tahun (*Golden Globe 21 Asia Pacific*, 2000). Walau bagaimanapun, mekanisme yang ditawarkan memerlukan kerjasama pengguna, syarikat dan komuniti dan perlu diimplementasi menerusi persijilan lawatan dan pengalaman (*Green Globe 21 Asia Pacific*, 2000).

Perkembangan lain yang berkaitan termasuklah penubuhan persatuan agensi pelancongan dan formulasi program alam sekitar di peringkat antarabangsa seperti penubuhan *The Conference Board*, satu organisasi penyelidikan perniagaan bertaraf global yang telah bekerjasama dengan WTTC untuk membangunkan *Business Enterprises for Sustainable Travel* (BEST). BEST ditaja oleh *Ford Foundation* untuk menggalakkan amalan pengurusan mapan (Jadual 11.3) ke dalam fungsi integral sesuatu badan perniagaan pelancongan di seluruh dunia (*Hotel Online Special Report*, 2000). BEST menawarkan satu rangka kerja yang lebih berorientasikan perniagaan berbanding GG21. Oleh itu, BEST tampak lebih sesuai untuk diaplikasikan dalam sektor perhotelan. Namun demikian, BEST tidak begitu popular di kalangan pengusaha hotel di Malaysia berbanding GG21. Ini diketahui daripada perbualan penulis dengan wakil-wakil daripada Kementerian Pelancongan, *Malaysian Association of Hotel* (MAH) dan Penang *International Hotel Association* (PIHA).

Satu lagi perkembangan yang berkaitan ialah pengumpulan data dan komunikasi berkenaan amalan terbaik antara pengusaha hotel sedunia. Hotel bertaraf antarabangsa di Amerika Syarikat dan Eropah diketahui telah mempraktikkan dan menghebahkan amalan alam sekitar terbaik mereka sebagai sebahagian daripada pengurusan berstrategik dan ini telah menjadi satu trend yang semakin diikuti oleh pengusaha-pengusaha hotel lain di serata dunia. Tindakan ini wajar kerana syarikat-syarikat besar sememangnya mempunyai kemampuan dan sumber untuk membawa perubahan seperti ini. Namun, menyedari saiz dan skala perniagaan pelancongan yang pelbagai dan berbeza-beza,

kemampuan perniagaan kecil dan sederhana untuk mengikuti trend ini adalah satu persoalan yang perlu diutarakan.

### Jadual 11.3 Objektif dan Aktiviti BEST

#### Objektif:

- Untuk meningkatkan kesedaran badan perniagaan terhadap manfaat amalan-amalan pelancongan mapan
- Untuk meningkatkan jumlah badan perniagaan yang mengamalkan program pelancongan mapan
- Untuk membangunkan kajian-kajian baru yang mengambil kira cabaran dan peluang yang dihadapi oleh badan-badan perniagaan
- Untuk membuktikan bahawa ada permintaan pasaran terhadap barangan dan perkhidmatan yang berkonsepkan pelancongan mapan
- Untuk melibatkan institusi-institusi *philanthropic* dalam pembangunan pendekatan-pendekatan baru yang memberikan manfaat kepada perniagaan, komuniti dan pelancong

#### Aktiviti:

- Melaporkan amalan-amalan yang boleh dijadikan contoh
- Kerjasama antara pegawai eksekutif dalam bertukar-tukar pengalaman dan pengetahuan
- Melatih generasi profesional baru
- Mengadakan kajian-kajian berfokus, termasuk kajian pelancong
- Menghebahkan amalan contoh ke pengetahuan umum

Sumber: *Hotel Online Special Report, 2000*.

Peranan hotel-hotel besar dalam mengetuai amalan perniagaan yang mesra alam juga kena pada masanya kerana hotel di seluruh dunia kini semakin bersifat transnasional operasinya (Lea, 1988). Ini secara

tidak langsung memberikan mereka kuasa untuk menentukan dan mengawal bentuk pembangunan pelancongan setempat terutamanya di negara-negara membangun yang masih belum matang pengurusan alam sekitarnya. Kuasa ini boleh berlaku melalui lima cara utama, iaitu:

- (i) Hak milik atau pegangan ekuiti — di mana NC mempunyai hak milik sebahagian atau keseluruhan hotel yang memberikannya kuasa mutlak;
- (ii) Amalan pengurusan — penglibatan NC melalui kontrak-kontrak pengurusan dengan pengusaha tempatan. Ini diamalkan secara meluas di negara membangun;
- (iii) Perjanjian sewa hotel — perjanjian yang memerlukan TNC membuat pembayaran sebahagian daripada keuntungan perniagaan kepada pemilik hotel;
- (iv) Perjanjian francais — perjanjian yang membenarkan pemilik menggunakan nama, lambang perniagaan dan servis sesebuah TNC dengan membayar sejumlah wang. Melalui cara ini, hotel dipromosikan sebagai ahli kepada rangkaian hotel tersebut dan boleh menggunakan sistem jualan, komunikasi dan tempahan rangkaian tersebut; dan
- (v) Perjanjian servis teknikal — ini termasuklah aspek-aspek tertentu penubuhan dan pengurusan sesebuah hotel, serta sistem latihan pekerja, pengurusan kewangan dan sistem keselamatan (Vellas & Becherel, 1999).

Di Malaysia, penglibatan TNC dalam pengusahaan hotel tempatan kebanyakannya berlaku melalui pegangan ekuiti atau hak milik, pengurusan amalan ataupun perjanjian francais.

Pengumpulan data dan komunikasi mengenai amalan terbaik pengurusan alam sekitar sektor perhotelan sedunia walaupun telah menjadi satu isu perbualan memandangkan besarnya pengaruh TNC melalui lima cara yang telah diterangkan di atas. Dengan kata lain, membiarkan TNC menentukan standard amalan hanya akan meluaskan lagi pengaruh dan kuasa mereka. Menurut Raynard dan Forstater (2002), dalam situasi negara membangun yang dipengaruhi oleh pengusaha tempatan sekalipun, pengaruh TNC akan tetap besar

kerana mereka mempunyai kuasa dan pengaruh dalam organisasi-organisasi penting seperti kerajaan. Seterusnya mudah bagi mereka mempengaruhi hala tuju pembangunan industri pelancongan tempatan. Ini menimbulkan persoalan tentang kemungkinan bahawa standard alam sekitar mungkin hanyalah satu mekanisme untuk memperluaskan kuasa dan dominasi TNC semata-mata yang tentunya akan menyisihkan hak dan kuasa syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Walau apapun, amalan dan komunikasi kegiatan mesra alam kini tetap menjadi amalan di kalangan hotel besar. Menurut Theobald (1998), banyak pemilik dan pengurus mengguna pakai pernyataan bahawa setiap badan perniagaan pelancongan mesti menjual destinasi dahulu sebelum menjual produk yang diniagakannya. Ini seterusnya menggalakkan lebih banyak perhatian proaktif terhadap kesejahteraan alam sekitar sesuatu destinasi itu. Pendapat positif Theobald ini mungkin mempunyai merit memandangkan usaha-usaha yang dijalankan oleh nakhoda-nakhoda industri seperti WTO dan *International Hotel and Restaurant Association* (IHRA). Walau bagaimanapun, hakikat bahawa agenda alam sekitar ini hanya didorong oleh aktiviti-aktiviti segolongan kecil hotel mewah yang berpusat di negara maju, sedangkan hotel-hotel lain tidak sama aktif perlu diberi perhatian.

Di kalangan hotel mewah ini, dimensi pengurusan proaktif isu alam sekitar diterapkan ke dalam perancangan dan pengurusan korporat (Murphy, 1994). Hotel-hotel ini percaya bahawa sistem pengurusan dan strategi dalaman boleh dimanipulasi untuk mengambil kira kos alam sekitar dalam pengoperasian hotel. Kos-kos ini yang biasanya tidak diambil kira (di mana dibiarkan menjadi tanggungjawab masyarakat dan bukannya tanggungjawab syarikat kini mula diterap sebagai sebahagian daripada perancangan strategik syarikat tersebut). Umpamanya, kumpulan hotel korporat seperti Holiday Inn Hotel Group, Hilton International dan Intercontinental Hotels mempunyai buku panduan tentang cara untuk beroperasi dengan kaedah yang mesra alam. Intercontinental Hotels Group menggunakan audit alam sekitar sebagai satu cara untuk memantau amalan pengurusan alam sekitar hotel-hotel cawangannya. Selain itu, pengurus diarahkan agar mengikut sasaran pengurusan alam sekitar yang ditetapkan, untuk menjadi

sebagian daripada kriteria penilaian prestasi mereka (Vellas & Becherel, 1999). Audit alam sekitar, bersama dengan usaha-usaha kawalan yang lain termasuk budaya organisasi, lawatan penyeliaan, prosedur-prosedur standard dan buku panduan, sistem ganjaran dianggap oleh Brown (1994) sebagai sistem pengawalan yang menjanjikan usaha-usaha alam sekitar yang berkesan.

Sebilangan pengusaha hotel mewah lain seperti Canadian Pacific, Inter-Continental, Ramada dan sebagainya telah mengimplementasi usaha-usaha pengurusan alam sekitar melalui operasi masing-masing (Checkley, 1992; International Hotel Environmental Initiatives, 1992; Hawkes & Williams, 1993). Inter-Continental Hotel umpamanya, telah mendapat anugerah atas usaha syarikat tersebut menghidupkan hartanahnya melalui usaha mengurangkan bahan buangan plastik. Canadian Pacific Hotels and Resorts pula mengadakan program 12 langkah dalam *Green Partnership Guide* yang diusahakannya. Program pengurusan alam sekitar ini mensasarkan pengurangan buangan sisa pepejal sebanyak 50 peratus dan bahan kertas sebanyak 20 peratus dalam masa dua tahun. Tenaga dijimatkan melalui pemasangan lampu, penyemburan air mandian dan paip air daripada barangan pilihan mesra alam, melalui pembelian produk pencucian dan pengelolaan hotel yang juga mesra alam (Theobald, 1998). Program ini dimandatkan kepada semua hotel cawangannya di seluruh dunia.

*Business Social Responsibility* (2001), satu laman web yang menghebahkan konsep tanggungjawab alam sekitar di kalangan badan perniagaan telah menonjolkan dua kajian kes mengenai pengurusan mapan tenaga di kalangan hotel. Kajian kes pertama melibatkan *Scandic Hotels*, satu rangkaian hotel di Scandinavia yang telah membuka dua eko hotel di Oslo. Di hotel terbarunya, satu sistem pengurusan tenaga yang mengurangkan bekalan udara panas sewaktu bilik kosong dan menaikannya semula apabila bilik dihuni telah diguna pakai. Ini dijangka akan mengurangkan penggunaan tenaga di hotel tersebut sebanyak 30 peratus, sekaligus mengurangkan perbelanjaan sebanyak 200,000 Dolar Amerika Syarikat setiap tahun. Kajian kes kedua pula melibatkan Forte Hotel Limited, salah satu operasi hotel terbesar yang telah mengimplementasi penggunaan tenaga berhemah semenjak tahun 1983 lagi. Pada penghujung tahun 1995, sebanyak 70 daripada hotel

cawangannya telah mengguna pakai sistem *combined heat and power systems* (CHP) yang boleh menghasilkan 7,700kWh tenaga elektrik. Melalui sistem ini, syarikat mengurangkan kos elektriknya lebih daripada 340,000 Dolar Amerika Syarikat setahun. Dari awal 1996, Forte telah mengguna pakai CHP unit dalam lebih 100 buah hotel dan berjaya menjimatkan lebih daripada 850,000 Dolar Amerika Syarikat .

Walau bagaimanapun, terdapat juga bukti sikap tidak acuh sesetengah hotel di negara barat terhadap isu pengurusan alam sekitar. Satu survey oleh Knowles (1996) di London mendapati bahawa 94 peratus daripada hotel kajiannya mempunyai strategi 3R, iaitu *reducing pollution or emissions* (pengurangan pencemaran), *recycling materials* (kitar semula bahan) dan *reusing if possible* (penggunaan semula di mana yang boleh). Namun, hanya 19 peratus daripada hotel ini mempunyai polisi alam sekitar dan hanya 50 peratus daripada mereka menghebahkan inisiatif alam sekitar mereka kepada pelancong. Knowles (1996), merumuskan daripada kajian ini bahawa hotel cenderung untuk melakukan kegiatan pengurusan mesra alam tetapi tidak secara bersungguh-sungguh. Ini menunjukkan bahawa terdapat pencanggahan maklumat tentang komitmen dan kesungguhan sektor perhotelan terhadap isu alam sekitar. Namun, berita-berita tentang kegiatan mesra alam oleh rangkaian hotel mewah seluruh dunia dihebahkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11.4.

Reaksi persatuan-persatuan hotel di beberapa negara terhadap isu pengurusan alam sekitar juga positif. American Hotel and Motel Association umpamanya, mengusahakan program penggunaan semula tuala dan kain cadar untuk ahli-ahlinya. Program ini juga memberikan maklumat kepada pelancong kepentingan penggunaan air berhemah (USA Environmental Protection Agency — dipetik dalam Theobald, 1998). Program lain seperti *Green Seal Program* dan *HVS Ecotel Program* yang memberikan persijilan kepada ciri-ciri hotel yang mesra alam juga turut mendapat sokongan persatuan ini (Cheney & Barnett, 2001). Sementara itu, Hotel Association of Canada pula bertindak memberikan maklumat tentang inisiatif seperti *Energy Innovators Initiative* dan *Green Leaf Eco Rating Service* (*Greenontario Provincial Strategy*, 2002).

**Jadual 11.4**  
**Contoh Kegiatan Mesra Alam Sektor Perhotelan di Seluruh**  
**Dunia**

HOTEL	INISIATIF	SUMBER
Hyatt Regency Chicago, USA	<ul style="list-style-type: none"> <li>Satu program pengurangan sisa buangan yang komprehensif</li> </ul>	Enz dan Siguaw (1999)
Hotel Inter- USA Continental Miami, USA	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem penggunaan semula air yang menggunakan semula air basuhan di taman</li> <li>Penggunaan tandas yang tidak menggunakan banyak air</li> <li>Penggunaan lampu yang tidak menggunakan banyak tenaga</li> <li>Penggunaan <i>motion sensors</i> dan <i>timers</i></li> <li>Sistem pengurusan sisa buangan <i>inter-cycle</i></li> </ul>	IH&RA dan NEP Environmental Good Practice in Hotels, 1996
Budapest Hilton, Hungary	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurangan penggunaan air</li> <li>Penggunaan mentol lampu yang tidak menggunakan banyak tenaga</li> <li>Pengasingan sisa buangan dan program kitar semula</li> </ul>	IH&RA dan UNEP Environmental Good Practice in Hotels, 1996
Scandic Hotels	<ul style="list-style-type: none"> <li>Implementasi sistem pengurusan tenaga yang mesra alam</li> </ul>	Business Social Responsibility (2001)
La Cabana All Suite Beach Resort, Aruba	<ul style="list-style-type: none"> <li>Satu <i>Green Team</i> untuk merancang dan mengimplementasi amalan mesra alam</li> <li>satu program <i>Waste Sort</i> untuk menilai program pengurangan sisa buangan</li> <li>pengawalan aliran arus elektrik yang seterusnya mengawal kapasiti</li> <li>penggunaan penghawa dingin dan <i>timers</i> membuat kompos di taman kitar semula</li> <li>kadbod penggunaan tandas mesra alam</li> </ul>	Hotel Online Special Report (April 2 <sup>nd</sup> , 2000)
Dusit Hotels and Resort, Thailand	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemuliharaan dan kitar semula air</li> <li>Pengurangan penggunaan air</li> <li>Pengasingan sisa buangan</li> <li>Penggunaan bahan-bahan kitar semula</li> <li>Pemuliharaan kawasan semulajadi di sekitar resort</li> </ul>	Environmental Good Practice in Dusit Hotels and Resorts (2000)



Reaksi persatuan-persatuan hotel di beberapa negara terhadap isu pengurusan alam sekitar juga positif. American Hotel and Motel Association umpamanya, mengusahakan program penggunaan semula tuala dan kain cadar untuk ahli-ahlinya. Program ini juga memberikan maklumat kepada pelancong kepentingan penggunaan air berhemah (USA Environmental Protection Agency — dipetik dalam Theobald, 1998). Program lain seperti *Green Seal Program* dan *HVS Ecotel Program* yang memberikan persijilan kepada ciri-ciri hotel yang mesra alam juga turut mendapat sokongan persatuan ini (Cheney & Barnett, 2001). Sementara itu, Hotel Association of Canada pula bertindak memberikan maklumat tentang inisiatif seperti Energy Innovators Initiative dan Green Leaf Eco Rating Service (*Greenontario Provincial Strategy*, 2002).

Sektor perhotelan di UK juga telah memberikan perhatian mengenai isu tanggungjawab terhadap alam sekitar. Salah satu petunjuk berkenaan perkara ini ialah penerbitan sebuah buku panduan bertajuk *Environmental Management for Hotels: The Industry Guide for Best Practice* yang disasarkan kepada pengurus dan kumpulan hotel yang berhasrat membentuk program alam sekitar oleh *International Hotels Environmental Initiatives* (IHEI) pada tahun 1992. IHEI bertujuan memastikan usaha berterusan untuk memperbaiki amalan mesra alam sektor perhotelan di seluruh dunia (Cheney & Barnett, 2001). Antara cara yang diguna pakai oleh IHEI termasuk memberi panduan dan mencadangkan sistem pemantauan dan audit yang mampu memastikan standard alam sekitar yang baik (IHEI, 1995).

Kebanyakan persatuan hotel ini menekankan manfaat yang boleh diraih melalui imej hotel yang mesra alam (Jadual 11.4). Manfaat-manfaat ini lebih kurang serupa dengan manfaat yang ditekankan kepada industri pembuatan (satu contoh terdapat dalam laman web *Business Social Responsibility*, 2001). Walau bagaimanapun, manfaat risiko yang ditekankan mungkin mempunyai implikasi lebih besar kepada industri pelancongan. Ini kerana pelancongan ialah satu industri yang bergantung kepada keindahan alam sekitar.

Namun, jika diteliti, kebanyakan usaha mesra alam di kalangan hotel diambil bagi mendapatkan syer pasaran lebih dan bukannya untuk

mengelakkan risiko kemusnahan alam sekitar. *Green Hotels* umpamanya, menekankan bahawa terdapat *niche* pasaran pelancong yang mementingkan penjagaan alam sekitar di Amerika Syarikat yang kini semakin berkembang dan harus diberikan perhatian oleh para pengusaha hotel. *CERES's Green Hotel Initiative* juga menekankan perlunya memenuhi permintaan, keperluan dan kehendak perancang percutian mengenai isu alam sekitar (CERES, 2000). Di Asia Tenggara, program *Green Leaf* yang dibangunkan oleh PATA (yang kemudiannya diterapkan dalam GG21) juga bertujuan untuk mendapatkan syer pasaran ini (Cheney & Barnett, 2001).

**Jadual 11.4**  
**Enam Manfaat Operasi Hotel yang Mesra Alam**

<b>Kos</b>	sebarang bentuk perniagaan yang mengoptimumkan kecekapan dan mengurangkan bahan buangan akan menjadi lebih kos efektif.
<b>Pasaran</b>	kini semakin ramai pelancong sedar tentang kepentingan alam sekitar dan semakin banyak pula syarikat yang mengamalkan polisi mesra alam. Penjagaan alam sekitar ialah satu trend strategik yang akan memberikan kelebihan dari segi persaingan
<b>Pekerja</b>	hotel memerlukan banyak pekerja untuk memenuhi keperluan pelancong. Pekerja akan rasa lebih bermotivasi sekiranya majikannya bersifat dinamik dan mempunyai perancangan jangka panjang.
<b>Imej atau jenama</b>	peningkatan imej dan reputasi syarikat sebagai mesra alam mampu menggalakkan perhubungan positif dengan masyarakat setempat
<b>Risiko</b>	Semakin banyak bank peminjam yang mengambil isu alam sekitar sebagai faktor penentu pemberian pinjaman. Telah banyak kes di mana berlakunya kerosakan kepada alam sekitar yang tidak boleh dibaiki. Jika ini terus berlaku, pelancong tidak akan mahu melawat tempat tersebut dan seterusnya menggugat pendapatan hotel. Ini adalah satu risiko yang tidak boleh diambil oleh sektor perhotelan.
<b>Undang-undang</b>	dengan bersikap proaktif, sektor perhotelan boleh bertindak tanpa menunggu satu peraturan atau undang-undang daripada pihak kerajaan.

Sumber: *Hotel Online Special Report, 2000.*

Oleh itu, jelaslah bahawa isu pengurusan alam sekitar kini semakin penting dalam sektor perhotelan dan reaksi proaktif terhadap isu ini boleh membawa banyak manfaat.

## **HALANGAN-HALANGAN DALAM MENJADI HOTEL MESRA ALAM**

Walaupun reaksi sektor perhotelan terhadap isu pengurusan alam sekitar seperti yang telah diterangkan di atas tampak positif, namun reaksi ini tidak boleh dianggap menyeluruh. Reaksi positif ini hanya datang daripada sejumlah kecil rangkaian hotel mewah dan TNC yang berpusat di Eropah Barat dan Amerika Utara. Ini agak mengusarkan kerana sektor perhotelan sebenarnya didominasi dari segi jumlah oleh hotel-hotel kecil dan sederhana. Dari segi kesan kepada alam sekitar, boleh dikatakan bahawa jumlah sisa buangan dan penggunaan sumber oleh kesemua hotel kecil dan sederhana ini boleh memberikan kesan yang besar terhadap alam sekitar. Oleh yang demikian, penglibatan mereka dalam usaha pengurusan alam sekitar adalah sangat penting.

Terdapat tiga halangan utama bagi hotel terutamanya yang bersaiz kecil dan sederhana di negara membangun dalam menjadi mesra alam iaitu:

- (i) Kesukaran menerapkan elemen mesra alam dalam fungsi *integral* sesebuah hotel itu;
- (ii) Bertambahnya kritikan bahawa standard mesra alam yang dihebahkan hanyalah alat untuk meluaskan kuasa dan pengaruh syarikat-syarikat besar; dan
- (iii) Kesan keadaan sosiopolitik dan ekonomi sejagat terhadap industri pelancongan.

Halangan yang pertama merujuk kepada sukarnya menerapkan aktiviti mesra alam kerana mungkin memberikan kesan negatif terhadap kualiti servis yang ditonjolkan (Brown, 1996; Kirk, 1995). Ini kerana kejayaan hotel bergantung kuat kepada kualiti servis dan layanan yang diberikan kepada pelanggan. Sebaliknya, ada antara

usaha alam sekitar yang mungkin menjejaskan kualiti. Umpamanya, penggunaan suhu rendah dalam basuhan mungkin menyebabkan basuhan kurang bersih. Begitu juga dengan penggunaan peralatan yang mengurangkan tekanan air yang mungkin menimbulkan rasa tidak puas mandi di kalangan pelanggan. Keberkesanan penggunaan pendekatan mesra alam juga boleh dipersoalkan. Umpamanya, sekiranya penggunaan suhu rendah menyebabkan kesan-kesan degil tidak ditanggalkan, maka basuhan mesti dilakukan semula dan keadaan ini sebenarnya menggunakan lebih banyak tenaga.

Selain konflik antara amalan mesra alam dengan kualiti, kos penggunaan peralatan mesra alam juga satu halangan kepada hotel kecil mahupun sederhana. Kemampuan kewangan sememangnya sangat penting dalam usaha menjadi mesra alam. Wang yang cukup diperlukan kerana kos mengaplikasi prinsip dan polisi mesra alam dalam pengurusan, servis dan pemasaran sememangnya tinggi. Hotel bukan sahaja perlu membeli peralatan mesra alam yang biasanya lebih mahal daripada peralatan biasa, tetapi perlu juga melatih para pekerja tentang peranan dan tanggungjawab terhadap alam sekitar. Selain itu, hotel juga perlu memberikan ganjaran dan mengadakan program motivasi yang berterusan untuk pekerja. Ini mungkin meningkatkan kos kerana usaha kecil seperti pengasingan sisa pepejal sahaja memerlukan usaha mendapatkan tong-tong berlainan untuk setiap jenis sampah, melatih pekerja, memberikan ganjaran atas usaha tambahan ini serta berurusan dengan syarikat kitar semula.

Satu lagi halangan dalam usaha menghebahkan langkah mesra alam yang diambil kepada umum. Dalam usaha ini, adakalanya syarikat perlu mengorbankan maklumat-maklumat sulit berkenaan penjagaan alam sekitar, dan mendapatkan audit daripada pihak ketiga bagi meningkatkan kepercayaan umum terhadapnya. Menggunakan khidmat juruaudit memerlukan peruntukan kewangan yang tinggi dan mungkin tidak mampu dilakukan oleh hotel kecil dan sederhana. Kajian oleh Tilley (1999), menunjukkan bahawa kebanyakan pengurusan syarikat perhotelan kecil dan sederhana tidak akan menjalankan usaha-usaha mesra alam kecuali ada peruntukan kewangan khas untuk tujuan itu. Tambahan lagi, jangka masa yang

panjang untuk mendapatkan manfaat-manfaat amalan mesra alam mengurangkan motivasi syarikat-syarikat kecil untuk mengambil langkah ini. Goodall (1994), menekankan bahawa kebolehan, kos dan komitmen sumber yang berpanjangan boleh menyebabkan kurangnya kecenderungan untuk mengamalkan pengurusan yang mesra alam kecuali di kalangan syarikat-syarikat besar.

Halangan kedua merujuk kepada kritikan mengenai usaha memastikan bahawa standard global diguna pakai di negara membangun. Utting (2002), menekankan bahawa konsep amalan perniagaan yang mesra alam masih lagi baru di negara membangun dan diperkatakan hanya dalam konteks industri pembuatan. Oleh itu, aplikasi konsep ini dalam industri pelancongan mungkin lebih perlahan kerana di kebanyakan negara membangun, pelancongan merupakan satu pilihan ekonomi yang banyak membawa keuntungan. Malahan, pelancongan ialah satu-satunya kegiatan ekonomi yang mampu memberikan negara-negara ini lebih dagangan secara berterusan (*Worldwatch Institute*, 2002). Oleh itu, standard global mungkin akan merencatkan pertumbuhan industri pelancongan yang bagi kebanyakan negara bermula hanya pada tahun 1980-an.

Mowforth dan Munt (1998), turut menekankan bahawa penerapan standard global di negara-negara membangun adalah tidak bersesuaian dan tidak adil kerana situasi kegiatan pelancongan di negara membangun sebenarnya ialah turutan daripada kegiatan yang sama sewaktu zaman penjajahan. Memang sejak mula, kegiatan pelancongan di negara membangun lebih banyak menguntungkan negara maju kerana kegiatan dagangan berat sebelah, pergantungan negara membangun terhadap minat negara asing, dan penggunaan buruh murahan. Oleh itu, negara membangun sememangnya sentiasa menjadi destinasi penerima pelancong dan ini tentunya memberikan banyak kesan negatif (Mowforth & Munt, 1998).

Dengan kata lain, negara membangun memerlukan masa untuk berubah bagi memenuhi standad global mengenai alam sekitar. Tidak adil untuk meminta negara membangun memberikan reaksi serta-merta tanpa memberikan masa untuk mengadaptasi dan tanpa memberikan sebarang bantuan kepada negara-negara ini untuk

berubah. Tambahan pula, disebabkan hanya satu per tiga daripada hasil pelancongan sampai ke ekonomi tempatan dominasi TNC dalam pembangunan pelancongan tempatan mungkin memburukkan lagi keadaan (Mowforth & Munt, 1998). Ini memandangkan lebih banyak wang akan mengalir keluar melalui pengambilan keuntungan oleh syarikat induk luar negara. Ini tentunya bertentangan dengan prinsip pelancongan mapan yang menjanjikan kesenangan, pembangunan, progres sosial dan standard alam sekitar yang lebih baik kepada negara membangun.

Kritikan juga diberikan terhadap standard global yang cenderung kepada inisiatif sukarela atau *self-regulation* yang dianggap sebagai hanya alat untuk memanjangkan agenda TNC (Pleumarom, 2000a; Chavez, 1999; Kolodner, 1994). Dengan kata lain, sistem seperti ini mengurangkan campur tangan kerajaan dan pihak media dalam pengurusan sektor perhotelan. Pleumarom (2000a) berpendapat bahawa pengenalan *environmental standards* dan *eco-labels* oleh WTO hanyalah bertujuan untuk mengetengahkan usaha TNC mengurangkan peranan polisi dan undang-undang kerajaan tempatan mengenai alam sekitar. Beliau berpendapat bahawa kuasa dan dominasi badan-badan korporat ini membolehkan mereka menekan kerajaan di negara-negara membangun untuk meliberalisasikan dagangan dan menambah pegangan saham mereka. Hasilnya, syarikat besar akan mengaut keuntungan berlipat-ganda berbanding syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa polisi *self regulation* sebenarnya direka untuk memaksimumkan keuntungan syarikat korporat dan bukannya untuk kesejahteraan alam sekitar (lihat Welford, 1997; *UNRISD Conference Report*, 1998). Kod etika telah dikritik sebagai satu taktik pemasaran untuk menunjukkan sikap prihatin terhadap masalah semasa dan permintaan daripada pelancong yang mengutamakan alam sekitar. Tujuan sebenar taktik ini adalah untuk mengelakkan potensi untuk konflik atau dikritik oleh pakar-pakar alam sekitar. Dalam konteks sebuah negara membangun, konsep ini boleh membawa kesan buruk sekiranya digunakan oleh syarikat untuk melindungi segala salah lakunya (*UNRISD Conference Report*, 1998: 79) atau untuk merendahkan

produk dan servis yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat kecil yang tidak mampu untuk mendapatkan persijilan alam sekitar. Kriteria persijilan dan prosesnya yang kompleks juga boleh menghalang syarikat kecil, lantas memberikan syarikat besar kelebihan berbanding pesaing-pesaingnya. Dalam konteks ini, persijilan hanya merupakan satu alat bagi syarikat korporat mendapatkan syer pasaran yang lebih. Inilah yang dilabelkan oleh Welford (1997), sebagai model pembangunan teknokratik yang bertujuan menambah peluang perniagaan syarikat-syarikat korporat.

Pertambahan pengaruh badan perniagaan dan industri dalam agenda alam sekitar di forum-forum antarabangsa telah menimbulkan keresahan tentang kesannya kepada usaha memperketat rangka kerja alam sekitar untuk industri pelancongan. Tambahan pula, ianya bercanggah dengan beberapa bahagian resolusi persidangan antarabangsa mengenai pelancongan mapan, terutamanya penekanan terhadap polisi nasional:

*For sustainable patterns of consumption and production in the tourism sector, it is essential to strengthen national policy development and enhance capacity in the areas of physical planning, impact assessment, and the use of economic and regulatory instruments, as well as in the areas of information, education and marketing.*

(Chavez, 1999: 4)

Halangan ketiga dan terakhir bagi hotel terutamanya yang bersaiz kecil dan sederhana di negara membangun dalam menjadi mesra alam adalah turun naiknya pembangunan industri pelancongan disebabkan perubahan situasi sosiopolitik dan ekonomi. Beberapa krisis global yang berlaku, terutamanya peristiwa pada 11 September 2001 di Amerika Syarikat telah menyebabkan penurunan ekonomi dunia sebanyak 4.5 peratus (Belau, 2003), Peristiwa 11 September umpamanya, memberikan kesan negatif kepada pelancongan di seluruh dunia. Beberapa negara mengalami penurunan sehingga 30 peratus. Peristiwa-peristiwa lain seperti pengeboman di Bali pada

12 Oktober dan di Mombasa pada 14 November, drama penculikan pada Moscow pada penghujung bulan Oktober, peperangan Iraq pada 20 Mac, wabak penyakit *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS) di China, Hong Kong, Singapura dan Kanada dan yang terkini, malapetaka tsunami yang melanda Asia Selatan termasuk utara Malaysia telah meningkatkan kebimbangan terhadap keselamatan sewaktu melancong.

Kebimbangan ini menurunkan pendapatan pelancongan negara-negara membangun terutamanya yang bergantung kepada kedatangan pelancong dari negara barat. Akibatnya, keuntungan yang boleh didapati oleh badan perniagaan dan industri pelancongan juga berkurangan. Pada waktu sukar sebegini, kebolehan syarikat-syarikat kecil dan sederhana untuk mengambil kira tanggungjawab alam sekitar menimbulkan tanda tanya.

Memandangkan halangan-halangan ini, nyatalah agak sukar bagi syarikat kecil mahupun sederhana untuk bersikap lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Oleh itu, adalah tidak masuk akal untuk meletakkan harapan yang terlalu tinggi terhadap kecenderungan sektor perhotelan untuk memberikan reaksi positif terhadap isu-isu tanggungjawab terhadap alam sekitar. Sebagaimana yang ditekankan oleh Goodall (1994) ialah idealistik untuk membuat tanggapan bahawa badan perniagaan pelancongan akan mencapai kecemerlangan pengurusan alam sekitar dalam jangkamasa terdekat memandangkan banyaknya halangan yang wujud. Ini mungkin benar memandangkan industri pembuatan sendiri mengambil masa hampir tiga dekad untuk memberikan reaksi positif terhadap isu alam sekitar.

## **KESIMPULAN**

Industri pelancongan sememangnya mempunyai kaitan rapat dengan alam sekitar. Malah perkembangan industri ini bergantung kepada daya tarik alam persekitaran produk pelancongan yang ditawarkan. Oleh kerana industri ini telah berkembang pesat sekian lama (sehinggalah berlakunya peristiwa-peristiwa negatif yang



meredupkan perkembangannya pada akhir tahun 1990-an dan awal dekad ke-22), maka boleh dikatakan bahawa kesannya terhadap alam sekitar adalah besar.

Sebagai salah satu sektor penting dalam pelancongan, sektor perhotelan telah pun menunjukkan reaksi positif terhadap tanggungjawab alam sekitar. Walau bagaimanapun, reaksi ini hanya terhad kepada beberapa kumpulan hotel mewah yang berpusat di Amerika Utara dan Eropah Barat, persatuan hotel negara barat dan badan dunia seperti WTO, WTTC, Earth Council dan sebagainya. Penerimaan tanggungjawab alam sekitar oleh sektor ini secara yang lebih menyeluruh masih tidak berlaku disebabkan beberapa halangan, iaitu:

- (i) Kesukaran menerapkan elemen mesra alam dalam fungsi integral sesebuah hotel itu;
- (ii) Bertambahnya kritikan bahawa standard mesra alam yang dihebahkan hanyalah alat untuk meluaskan kuasa dan pengaruh syarikat-syarikat besar; dan
- (iii) Kesan keadaan sosiopolitik dan ekonomi sejagat terhadap industri pelancongan.

Dengan itu, jelas bahawa banyak lagi yang perlu dilakukan untuk mengatasi halangan-halangan ini sebelum konsep tanggungjawab badan perniagaan terhadap alam sekitar dapat diterima pakai oleh syarikat-syarikat kecil dan sederhana di negara-negara membangun. Pelbagai pihak perlu bersemuka dan mencapai kata sepakat tentang penghebahan konsep ini di kalangan pengusaha hotel di negara membangun dan mencari jalan membaiki kelemahan yang ada sekarang agar konsep tanggungjawab badan perniagaan terhadap alam sekitar ini dapat mencapai matlamatnya yang sebenar, iaitu mengisi falsafah pembangunan mapan industri pelancongan.

## RUJUKAN

- Belau, D. (2003). *The impact of the 2001-2002 crisis on the hotel and tourism industry*. International Labour Organisation. January.
- Brown, M. (1994). Environmental auditing and the Hotel Industry: An accountant's perspective. In Seaton, A.V. (Ed.), *Tourism: The state of the art*. Chichester: John Wiley and Sons.
- Business Social Responsibility (BSR)*. Official website. 2001  
[www.bsr.org](http://www.bsr.org)
- Chavez, R. (1999). *Globalisation and Tourism: Deadly Mix for Indigenous People*. Retrieved on 8/7/01 from [www.twinside.org.sg/title/chavez-cn.htm](http://www.twinside.org.sg/title/chavez-cn.htm).
- Checkley, A. (1992). *Accommodating the Environment: The Greening of Canada's Largest Hotel Company*. Proceedings of ISEP Conference on Strategies for Reducing the Environmental Impact of Tourism. Vienna: International Society for Environmental Protection. 178-89.
- Cheney, J., & Barnett, S. (2001). The greening of accommodation: Stakeholders perspectives of environmental programmes in New Zealand Hotels and luxury lodges. *The Journal of Corporate Citizenship* Issue 1, Spring 2001, pp: 115- 126.
- Coalition for Environmentally Responsible Economies (CERES)* Corporate Outreach Committee (2000). *Green Hotel Initiative: Overview*. Retrieved 25/04/01 from [www.ceres.org](http://www.ceres.org).
- DeSimone, L., & Popoff, F. (1997). *Eco-efficiency: The Business Link to Sustainable Development*. Cambridge Massachusetts. The World Business for Sustainable Development (WBCSD), and MIT Press.
- Dimitrios, D., & Ladkin, A. (1999). Green strategies in the tourism and hospitality industries. In *The International Marketing of*

*Travel and Tourism: A Strategic Approach*. Vellas, F. and Becherel, L. (Eds.), Mcmillan Publication, London.

Environmental Good Practice in Dusit Hotels and Resorts (2000). Retrieved on 4/2/03 from [www.emcentre.com/unepweb/tec\\_case/hotel\\_55/process/p6.htm](http://www.emcentre.com/unepweb/tec_case/hotel_55/process/p6.htm)

Enz, C.A., & Siguaw, J.A. (1999). Lodging best practices. *Cornell Hotel and Restaurant Administration Quarterly*, October. 72-77.

Forsyth, T. (1996). *Sustainable tourism: Moving from theory to practice*. London: Tourism Concern.

Goodall, B. (1994). Environmental Auditing: Current Best Practice. In Seaton, A.V., Jenkins, C.L., Wood, R.C., Deike, P.U.C., Bennet, M.M., Maclellan, L.R. & R. Smith (Eds.), *Tourism: The state of the art*, Chichester: Wiley, Ch 68, 655-664.

Green Globe 21 Asia Pacific (2000). *Introduction to Green Globe Standard*. Retrieved 02/03/01 from [www.ggasiapacific.com.au](http://www.ggasiapacific.com.au).

Greenontario Provincial Strategy (2002). *Ontario Needs Effective Environmental Strategies*. Retrieved 13/5/03 from [www.greenontario.org/strategy/hotels.html](http://www.greenontario.org/strategy/hotels.html).

Grove, S.J., Fisk, R.P., Picket, G.M., & Kangun, N. (1996). Going green in the service sector: Social responsibility issues. Implications and implementation. *European Journal of Marketing*. MCB University Press, 30(5):56-66.

Hawkes, S., & Williams, P. (1993). *The Greening of Tourism from Principles to Practice: A Casebook for Environmental Practice in Tourism*, Burnaby BC: Simon Fraser University, Center for Tourism and Policy Research.

Hortensius, D., & Barthel, M. (1997). Beyond 14001: An Introduction to the ISO 14000 Series. In Sheldon C. (ed.), *ISO 14001 and*

*Beyond: Environmental Management Systems in the Real World*. London. Greenleaf Publishing. pp. 24-38.

Hotel Online Special Report (April 2<sup>nd</sup>, 2000). *La Cabana All Suite Beach Resort in Aruba Awarded Prestigious Green Globe Distinction Award for Outstanding Environmental Performance*. Retrieved on 19/1/01 from [www.hotel-online.com/Neo/News/PressReleases2000\\_2nd/Apr00\\_LaCabana.html](http://www.hotel-online.com/Neo/News/PressReleases2000_2nd/Apr00_LaCabana.html)

Hotel Online Special Report (March 1<sup>st</sup> 2000). *Business Enterprises for Sustainable Travel Formed to Encourage the Travel and Tourism Industry to Develop/Promote Sustainable Practices*. Retrieved 01/03/01 from [www.hotel-online.com](http://www.hotel-online.com).

International Hotel Environmental Initiatives (1992). *Environmental management for Hotels*. Oxford: Butterworth-Heinemann.

International Hotels Environment Initiative (1995). *Environmental management for hotels: The industry guide to best practice*. Oxford: Butterworth-Heinemann.

Kirk, D. (1995). Environmental management in hotels. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 7 (6):3-8.

Kirk, D. (1998). Attitudes to environmental management held by a group of hotel managers in Edinburgh. *International Journal of Hospitality Management*, Issue 17: 33-47.

Knowles, T. (1996). *Corporate strategy for hospitality*. UK: Longman.

Kolodner, E. (1994). *Transnational Corporations: Impediment or Catalysts of Social Development?* Occasional Paper No. 5. World Summit for Social Development.

Lea, J. (1988). *Tourism and development in the third world*. London: Routledge.

- Meade, B. & A. Del Monaco (1999). *Environmental management: The key to successful operation*. Pan American Proceedings. May.
- Medina Ross, V.M. (2002). *Environmental Management in the Mexican Chemical Sector: Drivers, Obstacles and Implications*. PhD. Dissertation. University of East Anglia, UK.
- Mowforth, M., & Munt, I. (1998). *Tourism and sustainability: New tourism in the third world*. London: Routledge.
- Murphy, J. (2001). *Ecological Modernisation: The Environment and the Transformation of Society*. OCEES Research Paper No 20. United Kingdom: The Oxford Centre for the Environment, Ethics and Society.
- Murphy, P. (1994). Tourism and sustainable development. In W. Theobald (Ed.), *Global tourism in next decade*. Butterworth-Heinemann: Oxford. 274 —98.
- Pleumarom, A. (2000). *Third World Resurgence*. Retrieved 07/07/02 from [www.twinside.org.sg/twr.htm](http://www.twinside.org.sg/twr.htm).
- Pleumarom, A. (2000). *Tourism, Globalisation and Sustainable Development*. Retrieved 08/07/02 from [www.twinside.org.sg/title/anita-cn.htm](http://www.twinside.org.sg/title/anita-cn.htm).
- Raynard, P., & Forstater, M. (2002). *Corporate Social Responsibility: Implications for Small and Medium Enterprises in Developing Countries*. United Nations Industrial Development Organisation (UNIDO), Viena.
- Schmidheiny, S. (1992). *Changing Course: A global business perspective on development and the environment*. MIT Press. Cambridge. Massachussetts.
- Shostack, G.L. (1987). Service positioning through structural change. *Journal of Marketing*, 51(1), 34-43.

- Starkey, R., & Welford, R. (2001). Environmental and Social Accounting: Introduction in Starkey and Welford (Eds.), *The earthscan reader in business and sustainable development*. London. The Prince of Wales Business Leader Forum. p.118-121.
- Theobald, W.F. (1998). *Global tourism in next decade*. Butterworth-Heinemann: Oxford.
- Tilley, F. (1999). The gap between the environmental attitudes and the environment: behaviour of small firms. *Business Strategy and the Environment*, 8, 238-248.
- United Nation Research Institute for Social Development (UNRISD). *Business Responsibility for Environmental Protection in Developing Countries*. Report of the International Workshop. Heredia, Costa Rica. 22-24 September 1997. UNRISD Conference Report, May 1998.
- United Nations Economic and Social Council (15 January, 1999). *Tourism and Sustainable Development: Report of the Secretary-General*. Retrieved on 24/6/03 from [ods-dds-ny.un.org/doc/UNDOC/GEN/N99/010/96/PDF/N9901096.pdf?OpenElement](http://ods-dds-ny.un.org/doc/UNDOC/GEN/N99/010/96/PDF/N9901096.pdf?OpenElement).
- Utting, P. (2000). *Business Responsibility for Sustainable Development*. UNRISD Occasional Paper 2. January.
- Utting, P. (2002). Towards Corporate Environmental Responsibility? In Utting, P. (ed.). *The Greening of Business in Developing Countries*. published by Zed Books Limited on behalf of the United Nations Research Institute for Social Development (UNRISD). Geneva.
- Vellas, F. & Becherel, L. (1999). *The international marketing of travel and tourism: A strategic approach*. London: Mcmillan Publication.

Welford, R. (1997). *Hijacking Environmentalism: Corporate responses to sustainable development*. London: Earthscan Publications Ltd.

WorldWatch Institute (2002). *World Summit Policy: From Rio to Johannesburg: New Paths for International Tourism*. Retrieved on 5/7/03 from [www.worldwatch.org/worldsummitbriefs/20020319.html](http://www.worldwatch.org/worldsummitbriefs/20020319.html).